



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KEPADA
PEMENANG " *GRPB CHAMPION AWARD 2019* "

TARIKH / MASA / TEMPAT

**27 FEBRUARI 2020 (KHAMIS)
4.00 – 5.00 PETANG**

**AUDITORIUM
MENARA BANDARAYA
BANDAR PERDA
BUKIT MERTA JAM**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Berhormat Puan Chong Eng

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender Dan Agama Selain Islam

Yang Berhormat Tuan Lee Khai Loon

ADUN Machang Bubuk

Yang Berusaha Puan Ong Bee Leng

Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

YBhg. Prof. Dato' Dr. Rashidah Binti Shuib

Profesor Kehormat, Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan

Yang Dihormati Barisan Panel Juri iaitu: -

Yang Berbahagia Dato' Rohana Binti Abdul Ghani

Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Keterangkuman Gender
Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)

Yang Berusaha Dr. Zaireeni Binti Azmi

Pensyarah, Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA)
Universiti Sains Malaysia (USM)

Yang Berusaha Encik Mohd Jamil Bin Ahmad

Ketua Juruaudit, Unit Audit Dalam

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP)

Yang Berusaha Puan Nur Zarina Binti Zakaria

Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Berusaha Encik Syawal Abdul Haq Bin Ahmad Jelani

Penolong Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

YBhg. Datin Hajah Che Limah binti Ujang

Pengerusi PUSPANITA MBSP

Yang Berusaha Encik Mohd. Tahir bin Othman

Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Sr Mat Nasir bin Hassan

Naib Yang Dipertua PESUKA

Yang Berusaha Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff

Yang Dipertua PERMAI

Yang Berusaha Puan Latifah binti Razali

Pengerusi KOSPEMA

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pasukan GRPB

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)

Peserta-Peserta “*GRPB Champion Award 2019*”

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Pendahuluan

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada petang ini untuk bersama-sama dalam Majlis Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang “*GRPB Champion Award 2019*”.
2. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) kerana sentiasa memberi jalinan kerjasama yang baik sepanjang pelaksanaan dan penginstitusian GRPB di MBSP serta dalam menganjurkan pertandingan ini. Saya juga mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil dari agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan rakan-rakan

media yang dapat hadir pada petang ini bagi meraikan pemenang-pemenang “*GRPB Champion Award 2019*”.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pembudayaan GRPB di MBSP

3. Majlis Bandaraya Seberang Perai telah melaksanakan Bajet Penyertaan Rakyat dan Responsif Gender atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) sejak tahun 2012. Pelaksanaan *GRPB The Penang Model* ini adalah untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan hendaklah **berorientasikan rakyat** dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.
4. Kaedah pelaksanaan GRPB merangkumi dialog bersama penduduk dan komuniti, pengumpulan data yang lebih sistematik yang membolehkan penilaian perbelanjaan bajet mengikut gender dan menjalankan *Beneficiary Impact Assessment (BIA)* selepas pelaksanaan projek atau program bagi memastikan projek atau program yang dilaksanakan memenuhi keperluan dan kehendak rakyat Seberang Perai.
5. MBSP juga dari semasa ke semasa menjalinkan kerjasama yang erat dengan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dalam melaksanakan program-program yang melibatkan komuniti di Seberang Perai bagi mendokong Dasar Keterangkuman Gender Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

6. Bagi menyokong Dasar Keterangkuman Gender, MBSP telah menubuhkan Unit Keterangkuman Gender yang pertama di Malaysia bagi memastikan keseimbangan gender di MBSP mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada lelaki dan wanita.
7. Pada 27 Februari 2019 yang lalu (genap 1 tahun), pertandingan “*GRPB Champion Award 2019*” telah dilancarkan dan MBSP adalah PBT pertama yang telah mengadakan program bagi mengarusperdanakan GRPB melalui “*GRPB Champion Award 2019*”.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

8. Pada tahun ke-lapan pelaksanaan GRPB di MBSP, “*GRPB Champion Award*” ini diperkenalkan untuk menggalakkan pelaksanaan GRPB di Jabatan-Jabatan MBSP, khususnya dalam melaksanakan tugas atau projek masing-masing. Dengan erti kata lain, pertandingan ini adalah landasan bagi jabatan-jabatan dan unit-unit untuk menggunakan pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan projek / program dengan mendapatkan penyertaan atau partisipatori daripada rakyat Seberang Perai sebelum dinilai oleh juri-juri profesional dalam bidang yang berbeza.
9. Harapan saya adalah setiap jabatan dan unit yang bertanding dapat menjadikan penilaian dan komen dari juri-juri profesional sebagai panduan dan pembakar semangat untuk membudayakan GRPB di

jabatan dan unit masing-masing pada tahun 2020 dan tahun-tahun akan datang. Membudayakan bererti membiasakan dan menjadikan GRPB sebagai amalan, bukan lagi dilihat sebagai bebanan atau tambahan kerja.

10. Bagi memmanifestasi semangat partisipatori serta penyertaan dari bawah ke atas atau *bottom-up*, penilaian bagi “*GRPB Champion Award 2019*” juga mengambilkira penglibatan kakitangan MBSP dari sembilan (9) jabatan yang tidak bertanding sebagai Juri Awam. Juri-juri Awam ini telah pun melaksanakan tugas mereka dengan memberi markah kepada sebelas (11) jabatan dan unit yang membuat pembentangan pada 16 Januari 2020 yang lalu. Undian Juri Awam menyumbang kepada 20 peratus dari markah keseluruhan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Kesinambungan “*GRPB Champion Award*”

11. “*GRPB Champion Award 2019*” telah mendapat sambutan dari Jabatan-Jabatan yang terlibat. Oleh itu, MBSP dan PWDC telah pun bersetuju untuk meneruskan “*GRPB Champion Award 2020*”. Piala Pusingan “*GRPB Champion Award*” MBSP yang akan disampaikan kepada jabatan yang menjadi Juara bagi tahun ini akan bertukar tangan pada tahun hadapan. Nama setiap jabatan yang menang juga akan dipahat

pada piala bagi melahirkan lebih ramai juara dalam kalangan juara-juara GRPB.

12. Selain itu, pihak Urusetia "*GRPB Champion Award*" MBSP juga akan mengadakan soal selidik secara online bagi mendapatkan input daripada peserta-peserta yang bertanding pada tahun 2019 dan juga kakitangan MBSP untuk penambahbaikan dari segi penganjuran pertandingan ini. Soal selidik ini dibuat bagi mengambilkira keperluan dan suara kakitangan MBSP sejajar dengan semangat GRPB itu sendiri.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Penutup

13. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada 14 Jabatan yang telah menyertai "*GRPB Champion Award 2019*" dan tahniah kepada pemenang-pemenang yang akan menerima hadiah sebentar lagi. Diharapkan 21 Jabatan/Unit akan menyertai "*GRPB Champion Award 2020*".

14. Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Chong Eng, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender, Agama Selain Islam, Yang Berhormat Lee Khai Loon, ADUN Machang Bubuk, YBhg. Prof. Dato' Dr. Rashidah Binti

Shuib, Profesor Kehormat, Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Ahli Majlis-Ahli Majlis, barisan Panel Juri dan PWDC atas sokongan untuk penganjuran “*GRPB Champion Award*”.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, Terima Kasih.